

**TALKING POINT**  
**YG BHG BRIG. JENERAL DATUK PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSELOR**  
**UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP)**  
**SEMPENA**  
**PROGRAM HIDUP SIHAT TANPA AEDES &**  
**PELANCARAN SKUAD COMBI PELAJAR UNIMAP**  
**2014**  
**PADA 16 NOVEMBER 2014, DI KKI, SIMPANG EMPAT**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia dan Salam Ilmu Keikhlasan  
Kecemerlangan UniMAP

**SALUTASI**

**Yang Berbahagia, Dr. Haji Zaini bin Hussin**, Pengarah Kesihatan Negeri  
Perlis

Yang Berbahagia Timbalan –timbalan Naib Canselor UniMAP

Yang Berusaha Pegawai Utama Universiti

Yang Berbahagia Penolong-Penolong Naib Canselor UniMAP

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan, serta kakitangan dan pelajar  
Universiti Malaysia Perlis yang saya dikasihi sekalian.

**KATA ALU-ALUAN**

1. Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah  
dan kurniaNya dapat kita bersama-sama berkumpul untuk  
menjayakan **Program Hidup Sihat Tanpa Aedes & Pelancaran  
Skuad Combi Pelajar UniMAP** pada pagi yang indah ini.
2. Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada semua warga UniMAP,  
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis dan Agensi luar yang sudi hadir  
untuk bersama-sama menjayakan program pada hari ini.

Sesungguhnya kehadiran kita semua di sini pada pagi yang ceria ini merupakan bukti sokongan semua pihak kepada kejayaan dan kelancaran program pada hari ini.

3. Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih dan Tahniah kepada semua Jawatankuasa yang telah bertungkus-lumus bagi merealisasikan program ini.

Hadirin dan hadirat sekalian,

### **GEJALA DEMAM DENGGI**

4. Seperti mana yang kita tahu, Gejala Demam denggi yang merupakan sejenis penyakit bawaan nyamuk telah menjadi masalah utama kesihatan awam dalam beberapa tahun kebelakangan ini termasuk Negeri Perlis. Jenis demam denggi yang amat berbahaya yang sering kita dengar adalah demam denggi berdarah. Yang mana melalui penyakit yang dibawa oleh nyamuk Aedes kepada manusia melalui gigitannya ini mampu untuk menjadi punca utama kematian kanak-kanak di kebanyakan negara hari ini.
5. Sehubungan dengan itu, sebagai tanda sokongan kepada usaha-usaha berterusan pihak Kerajaan melalui agensi-agensi yang terlibat seperti Jabatan Kesihatan Negeri , UniMAP pada hari ini mengambil inisiatif dan peranan dalam memberikan kesedaran dan maklumat kepada semua kakitangan dalam usaha mencegah pembiakan nyamuk aedes ini.
6. Seperti bak kata pepatah "**Mencegah lebih baik dari mengubati**". Justeru itu, aktiviti-aktiviti gotong royong yang merupakan budaya masyarakat kita sejak dahulu lagi perlu kembali disemai dikalangan pelajar-pelajar kita khususnya dan seluruh masyarakat amnya. Melalui program pada hari ini, pihak kami

turut mendapat bantuan syarikat-syarikat pencucian yang dilantik di UniMAP bagi membantu menyediakan kemudahan dan peralatan gotong royong bagi memastikan hasrat untuk membersihkan kawasan pembiakan nyamuk dapat dihapuskan dan dimusnahkan. UniMAP.

Hadirin dan hadirat sekalian,

**PROGRAM HIDUP SIHAT TANPA AEDES & PELANCARAN SKUAD  
COMBI PELAJAR UniMAP**

7. Program Hari Sihat Tanpa Aedes ini untuk makluman akan diadakan secara serentak di 9 buah kolej kediaman UniMAP, setiap PPK dan kawasan persekitaran UniMAP dengan kerjasama Jabatan HEPA, Kolej Kediaman, Pusat Kesihatan dan mendapat kerjasama sepenuhnya Jabatan Kesihatan Negeri, Perlis.
8. Manakala pada hari ini juga akan turut diadakan pelancaran Squad COMBI UniMAP. Squad COMBI UniMAP ini bakal menjadi tulang belakang utama kepada usaha-usaha berterusan dalam membanteras Nyamuk Aedes ini. Skuad COMBI yang bakal diwujudkan disemua kolej-kolej kediaman ini dilihat harus bergerak secara proaktif dalam menggerakkan memberikan kesedaran, menyebar maklumat serta merancang program-program yang bersesuaian.
9. Skuad COMBI UniMAP ini diharap mampu untuk menjadi contoh dalam memperkasa peranan komuniti di UniMAP dalam mencegah dan mengawal kejadian penyakit khususnya penyakit demam denggi.
10. Di sini ingin saya kongsikan sedikit maklumat berkaitan COMBI yang rasanya perlu di kongsi dengan semua. Untuk makluman, COMBI atau singkatan "*Communication for Behavioural*

*Impact*" membawa maksud "Komunikasi untuk Perubahan Tingkah Laku".

11. Setiap Skuad COMBI yang ditubuhkan ini akan berteraskan kepada 5 teras strategi komunikasi bersepadu yang ditetapkan iaitu seperti perantara Mobilisasi Pentadbiran, Perhubungan Awam, Advokasi yang merangkumi aktiviti seperti penubuhan jawatankuasa dan mengadakan mesyuarat samada di peringkat kolej kediaman, mengadakan latihan kepada setiap pelajar serta mengadakan liputan berkenaan aktiviti yang bakal dijalankan Skuad.
12. Bagi teras yang kedua iaitu Penyampaian Peribadi atau Komunikasi Interpersonal, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) serta sukarelawan pelajar yang dilantik akan mnejalankan tugas mereka dalam menguar-uarkan mesej COMBI yang di lokasi-lokasi premis UniMAP disamping bantuan dari Staf Pusat Kesihatan UniMAP.
13. Bagi teras yang ketiga pula iaitu Mobilisasi Masyarakat (Community Mobilization) Skuad COMBI Pelajar UniMAP akan menjalankan aktiviti yang dapat memperkasakan komuniti dalam pencegahan denggi dengan aktiviti promosi seperti kegiatan gotong royong cegah denggi dan edaran risalah pencegahan deman denggi dan berkaitan.
14. Manakala kempen pengiklanan yang merupakan teras keempat adalah bertujuan untuk menguar-uarkan mesej Skuad COMBI Pelajar seperti aktiviti Publisiti menggunakan papan iklan dan gegantung yang dipasang di dalam premis UniMAP, taklimat berkenaan denggi dan pesanan khidmat awam di UniMAP.fm serta sebaran pencegahan deman denggi di media-media sosial rasmi UniMAP.

15. Bagi teras yang kelima, Skuad Combi pelajar akan menjalankan Pusat Promosi Perkhidmatan di mana mereka akan bergerak ke setiap kolej-kolej kediaman, setiap pusat-pusat pengajian dan seluruh premis UniMAP bagi menyampaikan mesej serta makluman pencegahan wabak aedes yang amat merbahaya ini.

Hadirin sekalian,

16. Adalah menjadi hasrat Universiti Malaysia Perlis untuk memastikan matlamat untuk menjadikan keseluruhan premis UniMAP adalah bersih dan bebas daripada Wabak Aedes ini akan tercapai. Oleh yang demikian, besar harapan saya agar semua warga UniMAP memberikan kerjasama sepenuhnya bagi menjayakan program yang bertumpukan kepada pencegahan wabak denggi ini.

## **PENUTUP**

17. Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi ingin mengambil kesempatan mengucapkan jutaan terima kasih kepada Jabatan Kesihatan Negeri Perlis serta agensi-agensi terlibat yang banyak memberikan kerjasama kepada pihak UniMAP dalam merealisasikan UniMAP ke tahap sifar Aedes. Saya juga amat berharap jalinan yang dibina ini akan terus berkekalan buat selama-lamanya.

Dengan lafaz mulia *bismillahir rahmanir rahim*, saya dengan ini melancarkan **Kempen Sihat Tanpa Aedes 2014 peringkat UniMAP** dan **Skuad COMBI** pada hari ini.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullah.